

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP PERLIS SIRKIT 1 2010

Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Perlis 2010 telah berlangsung pada 31 Januari 2010. Sebanyak Dua Regu Sepak Takraw (Pelajar) telah menyertai kejohanan tersebut. Penyertaan ini lebih bertujuan untuk persediaan Sukan MASUM yang akan berlangsung pada bulan Februari dan Mac nanti. Kejohanan ini disertai sebanyak 32 Regu terdiri daripada agensi-agensi dan kelab-kelab di serata Negeri Perlis. Secara keseluruhannya semua pemain beraksi dengan semangat berpasukan yang kental dan kuat namun kemenangan tidak berpihak kepada kita. Namun Regu UniMAP B telah berjaya sampai ke peringkat suku akhir dan lebih membanggakan lagi, seorang daripada pemain UniMAP telah terpilih bagi mewakili Negeri Perlis ke SUKMA 2010 yang akan diadakan di Melaka pada JUN 2010 nanti iaitu Mohamad Rohaizat B. Busu.